

Isu-Isu dalam Masyarakat Islam

Editor:

Badriyah Haji Salleh¹, Nazirah Lee²

E-mel:


nazirah@fsk.upsi.edu.my²

Abstrak: Islam memainkan peranan penting dalam masyarakat Malaysia bukan hanya kerana ia dianggap sebagai agama rasmi di negara ini, bahkan juga disebabkan oleh pengaruhnya dalam membentuk norma dan nilai dalam masyarakat.

Penjelasan mengenai sejarah pengalaman masyarakat Islam adalah penting untuk diketengahkan, kerana sejarah mengajar masyarakat untuk sentiasa belajar dari yang lalu dan berhati-hati menempuh masa yang akan datang.

Artikel yang dimuatkan dalam buku ini merangkumi perbincangan dalam bidang sejarah dan juga syariah. Secara umumnya, kesemua artikel tersebut berkisar tentang sejarah dan perkembangan yang terjadi dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia, Asia Tenggara dan juga Asia Barat.

Kata Kunci: Jawi, wanita, Sumatera, Thailand, DNA



Isu-isu dalam
Masyarakat
Islam

EDITOR

Badriyah Haji Salleh
Nazirah Lee

Penerbit
UTHM



Isu-isu dalam **Masyarakat** **Islam**

EDITOR

Badriyah Haji Salleh
Nazirah Lee



2017

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2017

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang.

Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Isu-isu dalam Masyarakat Islam / [Editor: Badriyah Haji Salleh, Nazirah Lee]

ISBN 978-967-2110-06-4

1. Islam and state--Malaysia. 2. Islam--Malaysia. I. Badriyah Haji Salleh. II. Nazirah Lee.

297.09595

Diterbitkan oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pt@uthm.edu.my
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:
PERCETAKAN MUAFAKAT JAYA SDN. BHD.
No.6 Jalan Perdagangan 16,
Taman Universiti Industrial Park,
81300 Skudai, Johor Bahru.



Kandungan

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
<i>Pengenalan</i>	<i>ix</i>

BAHAGIAN MALAYSIA

Bab 1	1
--------------	----------

Dari Masyarakat kepada Masyarakat: Pembudayaan Islam dalam Kalangan Masyarakat Malaysia
Badriyah Haji Salleh

Bab 2	23
--------------	-----------

Tulisan Jawi di Malaysia 1800-1950-an
Nazirah Lee

Bab 3	51
--------------	-----------

Isu-Isu Agama Islam dalam Persuratkhabaran Melayu sebelum Perang Dunia Kedua
Siti Zahrah Mahfood

Bab 4	65
--------------	-----------

Status Wanita dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia dan Mesir
Zanariah Noor

BAHAGIAN ASIA TENGGARA

Bab 5	93
--------------	-----------

Islam dan Masyarakat di Sumatera: Meninjau Peranan Kaum Muda
Wan Noorlizawati Wan Mat Ali

Bab 6	109
--------------	------------

Masyarakat Melayu Selatan Thailand dalam Era Dasar
Rathaniyom 1939-1957
Rabaah Abdullah

UMUM

Bab 7

139

Tinjauan dan Analisis terhadap Polisi Pembaratan pentadbiran Daulah Uthmaniyyah pada era Sultan Mahmud II (1808-1839)

Mohamad Shauki Mohd Radzi

Bab 8

161

Penggunaan DNA dalam Pembuktian Jenayah: Satu Kajan Menurut Perspektif Islam

Mohd Noor Daud

Biografi Penulis-penulis

197

Indeks

199



Prakata

Islam memainkan peranan penting dalam masyarakat Malaysia bukan hanya kerana ia dianggap sebagai agama rasmi di negara ini, bahkan juga disebabkan oleh pengaruhnya dalam membentuk norma dan nilai dalam masyarakat. Kajian terdahulu menyatakan bahawa, sejak tahun 1970-an perhatian dan sensitiviti masyarakat Islam kepada ajaran Islam dan praktiknya dalam kehidupan harian telah meningkat. Hari ini, isu berkaitan Islam sering kali dibincangkan dalam media sosial dan ia sering kali mendapat respon yang menggalakkan dalam kalangan pengguna media sosial. Jelasnya, Islam adalah isu yang sentiasa diambil berat oleh warga Malaysia.

Justeru, buku ini memberikan fokus kepada isu berkaitan Islam dalam masyarakat Islam. Penghasilannya diilhamkan daripada perbincangan dalam kalangan rakan kakitangan akademik di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Setiap ahli menulis untuk menyumbang dan berkongsi pemikiran dalam bidang masing-masing berhubung Islam dan masyarakat. Penulis daripada jabatan lain juga dijemput untuk menyumbangkan artikel mereka dengan tujuan supaya perbincangan dalam buku ini menjadi lebih bervariasi. Artikel yang dimuatkan dalam buku ini merangkumi perbincangan dalam bidang sejarah dan juga syariah. Secara umumnya, kesemua artikel tersebut berkisar tentang sejarah dan perkembangan yang terjadi dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia, Asia Tenggara dan juga di Asia Barat. Besar harapan penulis supaya perbincangan melalui artikel dalam buku ini akan memanfaatkan pembacanya.

Akhirnya, perlu dirakamkan di sini penghargaan dan terima kasih atas dorongan dan galakan yang diberikan oleh Prof. Dr. Adnan Nawang dan juga Dr. Badriyah Haji Salleh yang masih bertugas



Pengenalan

Islam adalah al-Din, agama yang lengkap dan menyeluruh untuk hal ehwal dunia dan akhirat. Justeru, cara hidup orang Islam berlandaskan hukum-hukum syarak yang bertunjangkan dua panduan agungnya, iaitu al-Quran dan hadis nabi Muhammad SAW. Namun dalam keselarasan itu setiap masyarakat Islam mempunyai pengalamannya yang tersendiri, sama ada dari segi sejarah maupun dari ketamadunannya.

Islam telah berkembang lebih 1400 tahun yang lalu. Ia jelas telah mengubah cara pemikiran dan cara hidup masyarakat yang telah menganutinya, di Malaysia dan sebahagian besar negara lain yang dihuni oleh majoriti masyarakat Islam, Islam telah menjadi asas kepada norma dan nilai dalam masyarakat. Buku ini mengutarakan beberapa isu sejarah dan ketamadunan dalam masyarakat Malaysia, Asia Tenggara, Asia Barat dan juga isu-isu khas yang menyentuh kepentingan orang-orang Islam pada keseluruhannya. Penjelasan mengenai sejarah pengalaman masyarakat Islam adalah penting untuk diketengahkan, kerana sejarah mengajar masyarakat untuk sentiasa belajar dari yang lalu dan berhati-hati menempuh masa yang akan datang. Demikian juga halnya dengan pengetahuan mengenai perbandingan pengalaman di antara sebuah masyarakat dan tamadun dengan yang lainnya. Pengalaman dan pengetahuan pula perlu dilengkapkan dengan isu-isu semasa yang berkait secara langsung dengan kehidupan harian. Untuk memudahkan pembaca, buku ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian Malaysia, Asia Tenggara dan Umum.

Di Malaysia lebih dari separuh jumlah penduduknya beragama Islam. Semenjak awal kehadiran Islam sehingga beberapa abad sebelum ia mengalami kegemilangannya pada kurun ke-15, masyarakat Islam telah menempuh pelbagai cabaran. Pengaruh Islam berkembang melalui proses evolusi yang berterusan,

Daripada Masyarakat kepada Masyarakat : Pembudayaan Islam dalam Kalangan Masyarakat Malaysia

Badriyah Hj. Salleh

Cahaya Islam di Malaysia

Jika kajian yang telah mengemukakan bahawa Islam telah sampai ke Gugusan Pulau Melayu seawal kurun ke-7 Masihi diterima, maka Islam telah berada di rantau ini selama kira-kira 1400 tahun. Kajian tersebut membuktikan bahawa sebuah kerajaan Islam di Sumatera Utara yang digelar *Tachi* dalam rekod China telahpun wujud.¹ Ini bermaksud Islam telah sampai ke Kepulauan Melayu sejak zaman Rasulullah SAW. Walaupun pendapat ini telah mendapat kritikan hebat dari sarjana-sarjana lain, terdapat pengkaji tempatan yang cenderung untuk menerima pendapat ini dan mengatakan berkemungkinan Malaysia telah menerima pengaruh Islam dalam tempoh yang lebih kurang sama.² Ini disebabkan kedudukan geografi Semenanjung Tanah Melayu yang menggalakkan saudagar Islam Arab dan Parsi yang telah menguasai perdagangan Nanhai dari China ke Sumatera, telah menyebarkan pengaruh Islam ke sini.

Bukti penyebaran Islam ke Malaysia dari golongan masyarakat biasa, iaitu dari kalangan saudagar seperti yang dinyatakan di atas, diperkuahkan lagi dengan terjumpanya batu nisan di Tanjung Inggeris di Kedah yang menunjukkan tarikh 291H, iaitu, bersamaan dengan tahun 903M. Tertatah di atas batu nisan ini nama seseorang yang disebut sebagai Syaikh Abdul Qadir bin Hussein Syah Alam dalam tulisan Arab (Jawi). Walau bagaimanapun, tiada maklumat lain mengenai beliau. Batu nisan lain yang sama tua juga dijumpai di kawasan ini menunjukkan

dakwah berasaskan ilmu, kerohanian, syura dan jihad *fi sabilillah*. Mereka juga mementingkan hal ehwal semasa dan membicarakan cara-cara mengatasinya.

Sama seperti pertubuhan Islam yang lain, Jama'at Tabligh mula bertapak di Malaysia pada 1970-an dan ia berkembang dengan pesat pada 1980-an. Ia dipengaruhi pengasasannya dari India dan menyarankan jihad *fi sabilillah* dan kembali kepada sunnah Rasulullah SAW. Jemaah Tabligh mempunyai pendekatan yang berbeza Arqam dan ABIM. Ia lebih mementingkan dakwah secara peribadi, dari rumah ke rumah, yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan kecil.

Pendek kata, masyarakat mempunyai caranya tersendiri untuk mengembangkan Islam sesuai dengan tempoh masa dan cabaran tertentu pada zaman tersebut. Pendekatan di zaman sebelum merdeka, masyarakat memainkan peranan yang sangat penting. Pengukuhan pengaruh Islam yang berterusan sebagai cabaran menghadapi pengaruh bukan Islam dan penjajah menjadi cabaran utama. Ini jelas sangat berbeza dengan pendekatan masyarakat umum selepas tempoh tersebut yang pemerintahannya didominasi masyarakat Islam. Gerakan Islam bukan kerajaan mempunyai program yang *complimentary* dengan peranan kerajaan tetapi kadang-kala juga dianggap *contradictory* dengannya.

Bibliografi

- Abdullah bin Abdul Kadir. (1970). *The Hikayat Abdullah. An annotated translation by A.H.Hill*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ahmad Fathy Al-Fatani. (2002). *Ulama besar dari Fatani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang Had Salleh. (1979). *Malay secular education and teacher training in British Malaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizan bin Abdul Razak. (1980). *The Law in Malacca Before and After Islam*. Dlm. Khoo Kay Kim (peny.) (1980). *Tamadun Islam di Malaysia*. (1-36). Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

- Badriyah Haji Salleh. (1984). *Madrasah Saadiah-Salihiah 1914-1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chandra Muzaffar. (1988). *Kebangkitan semula Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Del Tufo, M.V. (1947). *A Report on the 1947 census of population, Malaya comprising Federation of Malaya and the Colony of Singapore*. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. (1999). Jld.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eredia's Description of Malacca, Meridional India and Cathay*. (1997). Translated from the Portuguese with notes by J.V.Mills and new introduction by Cheah Boon Kheng. Kuala Lumpur: MBRAS, Reprint 14.
- Fatimi, S.Q. (1963). *Islam Comes To Malaysia*. Singapore: Malaya Publishing House Ltd.
- Ishak Mohd. Rejab. (1993). Haji Husain Mohd. Nasir Al-Mas'udi Al-Banjari. Dlm. Ismail Mat (peny.) (1993). *Ulama Islam dalam kenangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Haji Ibrahim, Ismail Abdul Rahman dan Mat Asin Dolah. Syekh Tahir Jalaluddin. Dlm. Ismail Mat (peny.) (1993). *Ulama Islam dalam kenangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junus Jamali, M.(1968). Silsilah tawarich radja2 keradjaan Atjeh. Bahan stensil.
- Khairuddin Hj. Muhammad. (1993). Sayid Muhammad Zayn Al-Abidin. Dlm. Ismail Mat (peny.) (1993). *Ulama Islam dalam kenangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Mokhtar bin Shafii. (1980). Batu nisan kurun ke 5H/10M Di Pekan Pahang. Dlm. Khoo Kay Kim (peny.) (1980). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohd. Taib Osman. (1980). *Islamisation of the Malays: A Transformation of culture*. Dlm. Khoo Kay Kim (peny.) (1980). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

- Mohd. Zain Hj. Othman. (1985). *Administration of waqf in the State of Kedah*. Dlm. Ahamd Ibrahim (et al.) (comp.)(1985). *Readings of Islam in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Muhammad Ibrahim Munsyi. (1980). *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nabir bin Haji Abdullah. (1976). *Maahad II Ihya Assyariff Gunung Semanggul 1934-1959*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pountney, A.M. (comp.) (1911). *The Census of the Federated Malay States 1911. Review of the Census Operation and Results*. London: Darling & Sons Ltd.
- Rauf, M.A. (1959). Islamic Education in Malaya. Intisari, Vol.II Part 1.
- Roff, W. R. (1980). *The origin of Malay nationalism*. Kuala Lumpur; Penerbit Universiti Malaya.
- Sabri Haji Said. (1983). *Madrasah al-Ulum Al-Syariah Perak, 1937-1977*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nota Hujung

¹ Lihat S.Q.Fatimi. (1963). *Islam Comes To Malaysia*. Singapore: Malaya Publishing House Ltd., hlm. 69.

² Wan Hussein Azmi. (1980). *Islam Di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7-20M)*. Dlm Khoo Kay Kim (Peny.). *Tamadun Islam Di Malaysia*.(1980). Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 142.

³ *Ibid.* 143.

⁴ M. Junus Djamali. (1968). Silsilah Tawarich Radja2 Keradjaan Atjeh. Bahan stensil, hlm. 4 disebut dlm Wan Hussein Azmi, *ibid.*, hlm.143.

⁵ Mohd. Mokhtar bin Shafii. Batu Nisan Kurun ke 5H/10M Di Pekan Pahang, Dlm.Wan Hussein Azmi, *Islam Di Malaysia...op.cit.* hlm.15.

⁶ Wan Hussein Azmi, *op.cit.*, hlm. 144.

⁷ Batu Bersurat ini sekarang dipamerkan di Muzium Negeri Trengganu.

⁸ Lihat, Azizan Bin Abdul Razak. (1980). *The Law in Malacca before and after Islam* dlm. *Tamadun Islam Di Malaysia*, *op.cit.* hlm. 29-47.

⁹ *Eredia's Description of Malacca, Meridional India and Cathay..* (1997). Translated from the Portuguese with notes by J.V.Mills and new introduction by Cheah Boon Kheng. Kuala Lumpur: MBRAS Reprint 14, hlm. 18.

¹⁰ *Ibid.* hlm.20.

2

Tulisan Jawi di Malaysia 1800-1950-an

Nazirah Lee

Pengenalan

Malaysia dikenali sebagai sebuah negara Islam yang mempunyai pengaruh yang besar di peringkat antarabangsa.¹ Sepertimana yang dibincangkan dalam bab yang terdahulu, masyarakat Melayu di Malaysia sangat dipengaruhi oleh Islam. Syed Muhamad Naquib al-Attas berpendapat bahawa Islam membawa revolusi pemikiran kepada masyarakat Melayu.² Sehubungan itu, bab ini akan menilai sejauh mana pengaruh Islam memainkan peranan dalam menjana perkembangan sosial masyarakat Melayu khususnya dalam abad ke-19 sehingga 1950-an. Perbincangan tersebut adalah berdasarkan kepada sejarah tulisan Jawi dalam kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia dalam abad ke-19 dan ke-20. Secara umumnya, kegemilangan tulisan jawi dalam kalangan masyarakat Melayu tergugat ekoran daripada pendekatan yang digunakan oleh pihak pentadbir British sejak penghujung abad ke-19. Kelemahan penguasaan tulisan Jawi dan sikap prejedis kepada tulisan tersebut dalam kalangan masyarakat Melayu kemudiannya menyebabkan tulisan jawi semakin dipinggirkan pada 1950-an.

Tulisan Jawi: Satu Sorotan Ringkas

Terma “jawi” mempunyai pengertian yang luas dalam masyarakat Malaysia.³ Bagaimanapun, pada pandangan umum, ia merupakan istilah yang digunakan untuk tulisan yang mengadaptasi/meminjam⁴ bentuk tulisan Arab.⁵ Bagi menyesuaikan dengan bunyi sebutan Melayu, tulisan jawi turut menggunakan beberapa huruf dari tulisan Parsi⁶ dan pengaruh bunyi daripada bahasa Urdu dari Gujerat.⁷ Penggunaannya sejak sekian lama untuk menulis Bahasa Melayu menyebabkan ia dianggap sebagai tulisan yang “dimiliki” oleh orang Melayu.⁸

Bibliografi

- Abdul Latif Hamidong. (1986).*Institusi Pondok dalam Tradisi Budaya Ilmu*. Dlm *Tamadun Melayu* jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Rahman Ismail.(1996). Sikap Orang Melayu Terhadap Bahasanya: dari Abdullah Munsyi ke Kemunculan Za'ba. Dlm. Wan Abdul Kadir (peny.)(1996). *100 Tahun Za'ba: Za'ba Pejuang Bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Abdullah Hasan. (1997). *Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Esei-esei Lain*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti
- Abu Talib Ahmad. (2003). *Malay Muslim : The Rising Sun 1941-1945*. MBRAS.
- Akta 32, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Dicapai atas talian www.gov.my/Akta/Vol.%201/Akta%2032.pdf pada 3 Januari 2016
- Al-Attas, S.M.N. (1988). *The Oldest Known Manuscripts: A 16th century Malay Translation of Aqaid Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Asraf. (1962). Ejaan Bahasa Melayu dengan Hurup(sic) Rumi. Dlm *Memoranda Kumpulan tulisan Angkatan Sasterawan '50*. Kuala Lumpur:, Oxford University Press
- Awang Had Salleh. (1979). *Malay Secular Education and Teacher Training in British Malaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bruinessen, M.V.(1990). *Kitab Kuning :Books in Arabic Script used in Pasentren Milieu*. Di capai atas talian http://www.uu.nl/~martin.vanbruinessen/en/personal/publication/kitab_kuning. pada 2 November 2006.
- Byrd, C.K.(1991). *Percetakan Awal di Jajahan Selat 1806-1858*,Terj. Mansor Ahmad Saman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,Kuala Lumpur.
- Chelliah, D.D.(1960). *A History of Educational Policy*, Singapore: G.H.Kiat & Co Ltd.
- Ding Choo Ming.(2003). *Kajian Manusrip Melayu; Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications

- Faizah binti Samington. (1999). Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu: Kepentingan dan Kemungkinan. Tesis Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Francis H.K.Wong, Gwee Yee Hean. *Official Reports on Education: Straits Settlements and the Federated Malay States*
- Halimah Mohd Said dan Zainab Abdul Majid.(2004). *Images of Jawi Peranakan of Penang. Tanjong Malim*: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hasan Hij Hamzah.(1997). *Kamus Ensiklopedia*, Jilid 1. Kuala Lumpur: (A-K) Anzagain
- Hunt,R.(1996). *William Shellabear: A Biography*. Kuala Lumpur:University of Malaya Press
- Ismail Hamid. (1988). *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam*. Petaling Jaya: Pen. Fajar Bakti
- Kang Kyong Seock. (1993). *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahayudin Yahaya. (2001). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Massa Bil 411,13-19 September 2003
- Massa, Bil 415. 11-17 Okt.2003,
- Md. Sidin Ishak dan Muhamad Redzuan Othman (2000). *The Malays in the Middle East with a Bibliography of Malay Printed Works Published in the Middle East*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Mohd Nor bin Ngah. (1982). *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Muslim Scholars*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies
- Mohd Taib Osman (ed.) (1997). *Islamic Civilization In Malay World*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Abu Bakar. Pengaruh Luar dan Pengislaman di Negara United Kingdom. Dlm. Mohamed Redzuan Othman, (et al.) *Jendela Masa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Muhammad Redzuan Othman. (2005). *Islam dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

- Muhani Abdul Ghani. (1988). *Teman Pelajar Jawi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti
- Newbold, T.J. (1971) C.M. Turnbull (Introduction). *British Settlements in the Straits of Malacca*. Kuala Lumpur: Oxford University Press
- Nishio, K. Political Strategy in Malay Port-Polities ; The Concept of Orang Melayu in the Johor-Riau Sultanate. International Conference on Malaysian History: Revisiting Malaysian History over the Century. 23-25 Ogos 2004. Anjuran : Universiti Malaya.
- Philip Loh Fook Seng. (1975). *Seeds of Separatism*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Raimy Che Ross. (2002). Malay Manuscripts in New Zealand. *MBRAS*, Vol. LXXV Part 2., 2002
- Shellabear, W. (1902). The Evolution of Malay Spelling. *JMBRAS*.
- Sidney, R.J.H.(1927). *In British Malaya Today*. London: Hutcheson
- Syed Muhamad Naquib Al-Attas.(1999). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*,Kuala Lumpur: ABIM
- Utusan Malaysia*, Ogos, 1999
- Virginia Matheson and M.B. Hooker. (1988). Jawi Literature in Patani; The Maintainance of an Islamic Tradition. *JMBRAS* Vol. LXI Part 1.1988.
- Wheatly, P.(1966). *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur:University of Malaya Press.
- Wilkinson, R.J.(1904). *Romanised Malay Spelling Report or a Comitee Appointed by the Goverment of the FMS to Discuss the Subject of writing Malay in Roman Characte*. Kuala Lumpur: Government Printing Office Published by Autority.
- Winstedt, R.O.(1941). Jawi Spelling. *MBRAS* Vol. XIX Pt. II, Oct. 1941, hlm. 227-233.
- Winstedt,R.O. (1972). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wong, F. & Hean,G.Y.(1980). Introduction. Dlm. *Official Reports on Education: Straits Settlements and Federated Malay States, 1870-1939*.Singapore: Pan Pacific Books,

- Yazid Hj Othman. Kedudukan dan Prestasi Jawi, Harapan dan Cabaran Masa Depan: Tumpuan Kajian kepada Akhbar Utusan Melayu Bertulis Jawi. Kertas Kerja Seminar Memertabatkan Tulisan Jawi. 2.12.1995. Kuala Lumpur.
- Za'ba. (1931). *Rahsia Hijaan Jawi*. Singapura: Malay Publishing House.

Nota Hujung

¹ Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) 2003-2005. Maklumat lanjut; MASSA, Bil 415. 11-17 Okt.2003, MASSA Bil 411,13-19 September 2003.

² Syed Muhamad Naquib Al-Attas.(1999). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: ABIM, hlm.19.

³ Jawi dalam bahasa Melayu mempunyai pelbagai maksud dalam pelbagai konteks bergantung kepada penggunaanya. Jawi umumnya sebagai Melayu. Sementara 'bahasa jawi' pula diertikan sebagai bahasa Melayu; huruf-huruf Arab dengan beberapa tambahan yang digunakan untuk menulis bahasa Melayu. 'Masuk jawi' pula membawa maksud berkhatan, 'padi jawi' bermaksud padi biasa (bukan padi pulut), 'menjawikan' bermaksud menterjemah kitab-kitab bahasa lain ke dalam Bahasa Melayu mengalihkan (mengubah) kepada tulisan jawi. 'Jawi' juga dimaksudkan sebagai lembu/ sapi. 'Anak Jawi' pula bermaksud mana-mana anak lelaki yang dikasihi. Lihat, Hasan Hj Hamzah.(1997). *Kamus Ensiklopedia*, Jilid 1. Kuala Lumpur: (A-K)Anzagain Sdn. Bhd.,hlm. 267.

⁴ Istilah pinjaman ini walau bagaimanapun tidak boleh diterima sepenuhnya kerana orang Melayu mengubah tulisan tersebut berdasarkan keperluan bunyi sebutan perkataan Melayu. Pengkaji seperti Mohamed Ridhuan Othman, Mahayudin Yahaya. Mohd Nor bin Ngah mendefinisikan tulisan ini merupakan tulisan adaptasi daripada tulisan Arab.

⁵ Za'ba. (1931). *Rahsia Hijaan Jawi*. Singapura: Malay Publishing House.

⁶ *Ibid.*

⁷ Muhamad Abu Bakar. Pengaruh Luar dan Pengislaman di Negara United Kingdom. Dlm. Mohamed Redzuan Othman, (et al.) *Jendela Masa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm.404.

⁸ Abdul Rahman Ismail.(1996). Sikap Orang Melayu Terhadap Bahasanya: dari Abdullah Munsyi ke Kemunculan Za'ba. Dlm. Wan Abdul Kadir (peny.)(1996). *100 Tahun Za'ba: Za'ba Pejuang Bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 185.

⁹ Menurut Abdullah Hasan, tidak banyak yang diketahui tentang tradisi penulisan orang Melayu, Namun terdapat beberapa jenis tulisan yang dikesan penggunaannya dalam masyarakat Melayu Nusantara iaitu Huruf Palawi Selatan (dijumpai di Sumatera dan mengandungi catatan tentang undang-undang kerajaan Sriwijaya), tulisan lain adalah tulisan rencong, tulisan kawi dan tulisan lampong. Lihat Abdullah Hasan. (1997). *Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Esei-esei Lain*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, hlm 34. Syair Perahu merupakan manuskrip Melayu yang ditulis sebelum penggunaan tulisan jawi dalam masyarakat Melayu. Ding Choo Ming.(2003). *Kajian Manuskrip Melayu; Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn., hlm 34. Beliau juga memetik kajian Voorhoeve yang bertajuk *Pre Jawi Malay*

3

Isu-Isu Agama Islam dalam Persuratkhabaran Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua

Siti Zahrah Mahfood

Pengenalan

Persuratkhabaran sebelum Perang Dunia Kedua berfungsi sebagai agensi yang menerbitkan pelbagai jenis rangkuman berita dan kolumn perbincangan untuk disebarluaskan kepada khalayak. Sejarah telah membuktikan kepentingan akhbar dan majalah terhadap masyarakat terutamanya dalam konteks penyampaian maklumat yang berguna selain turut menjadi mekanisme bagi masyarakat itu sendiri untuk mengemukakan kritikan dan aduan secara berkesan. Akhbar sebagai media yang melaporkan pelbagai kejadian harian, juga turut menjadi platform kepada golongan tertentu untuk menyebarkan pemikiran mereka kepada masyarakat secara terbuka. Akhbar juga berperanan sebagai pusat dialog dan forum hal ehwal semasa serta sebagai alat propaganda, semboyan, pembangkit kesedaran dan agen perubahan masyarakat.¹

Isu-isu Agama Islam dalam Akhbar Abad ke-20.

Bidang kewartawanan yang berkembang pesat di Tanah Melayu dalam empat dekad pertama abad ke-20 telah melahirkan banyak akhbar dan majalah berbahasa Melayu dan kebanyakannya menggunakan tulisan jawi yang menjadi gelanggang utama golongan intelektual untuk mengupas dan memaparkan pelbagai isu dalam jangka masa tersebut.²

Tumpuan diberikan kepada isu agama di samping isu sosio-ekonomi dan kemasyarakatan. Persoalan agama sebagai suatu

Bibliografi

- Abdul Aziz Mat Ton. (1971/73). "Al-Imam Sepintas Lalu". dalam *Jurnal Sejarah*, Jilid XI, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia, Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Jaafar. (1980)."Al-Imam". dalam *Lembaran Akhbar Melayu*. Diselenggara oleh Khoo Kay Kim. Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdullah Jaafar.(1984). "Al-Imam." Dalam Khoo Kay Kim(Ed.). *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Adnan Hj. Nawang. (1998). *Za'ba dan Melayu*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Al-Ikhwan

Al-Imam

- Ensiklopedia Islam*. (1998). Jilid. 10. Kuala Lumpur: Malaysia Encyclopedia Research Centre Berhad.
- Gang Giong Siok. (1990). *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Musa. (1999). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. (1984). *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Md.Sidin Ahmad Ishak. (1998). *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1807-1906*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Sarim Mustajab. (1978). " Neracha 1910 Jun 1915 Penyumbang Nafas Islah Al-Imam". *Jurnal Budaya Melayu*. 3(1)
- Mohd Sarim Mustajab. (19-20 Ogos 2005). "Tokoh-tokoh Agama dalam Persuratkhabaran Melayu Kurun ke-20." dalam

Seminar Kebangsaan Tokoh-tokoh Persuratkhabaran Malaysia Kurun ke-20.

- Mohd Sarim Mustajab. (1982)."Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906 Hingga 1948." dalam Khoo Kay Kim (Ed.). *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembanguna.,* Kuala Lumpur:Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohd Sarim Mustajab. (1996)."Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya." dalam Abdul Latif Abu Bakar. *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia.* Kuala Lumpur:Universiti Malaya.

Neracha

- Nordi Bin Achie, (2001) "Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak: Satu Kajian Terhadap Fajar Sarawak 1930 dan Utusan Asas 1947", Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Roff, William. (2003). *Nasionalisme Melayu.* (Terj.) Ahmad Boestaman. . Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Roff, William. (1962). "Kaum Muda-Kaum Tua: Innovation and Reaction Amngst The Malays, 1900-1941". dalam K.G Tregonning. *Papers on Malayan History, (JSEAH)* Journal Southeast Asian History, Singapore.
- Roff, William. (1967). *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu.* Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1990). *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

4

Status Wanita dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia dan Mesir

Zanariah Noor

Pendahuluan

Kolonialisme Barat ke atas dunia Islam mendatangkan impak yang besar dalam sistem kehidupan masyarakat Islam. Sistem politik, ekonomi, pendidikan serta undang-undang dari Barat menggantikan sistem yang berasaskan hukum syarak. Apa yang dapat dipertahankan dikebanyakannya negara Islam yang telah melalui proses penjajahan yang lama hanyalah bidang kekeluargaan Islam sahaja.¹ Undang-undang keluarga Islam dilihat sebagai identiti agama seseorang muslim. Atas dasar ini, pihak penjajah tidak menghapuskan sistem undang-undang kekeluargaan Islam sebagaimana usaha penghapusan dalam bidang-bidang lain seperti politik, ekonomi, sosial, undang-undang dan pendidikan berasaskan sistem Islam yang menjadi fokus keutamaan mereka. Bagaimana bentuk undang-undang keluarga Islam yang dikodifikasi dan diterimapakai di sesbuah negara bergantung kepada cara pemahaman dan pentafsiran para *ulama* dan ahli akademik tentang hak dan tanggungjawab anggota keluarga mengikut hukum syarak dan kesediaan golongan umarak (pemerintah) untuk mengkodifikasikan ketetapan tersebut dalam bentuk statut undang-undang yang mengikat.

Pemahaman tentang status dan hak wanita dalam hal ehwal kekeluargaan akan memberi kesan kepada bentuk statut undang-undang keluarga Islam sama ada ia dilihat sebagai *women friendly* ataupun *gender bias*. Oleh sebab itu, walaupun Mesir dan Malaysia termasuk negara-negara Islam lain merujuk sumber fiqh dalam mengkodifikasikan undang-undang keluarga Islam, tetapi masih

Bibliografi

- Abd. Rahman Abdullah. (1987). *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Kadir Muhammad. (1993). Keberkesanan Undang-undang Keluarga Islam dalam Mengurangkan Kadar Perceraian di Malaysia: Kajian di Kelantan dan Terengganu, *Jurnal Syariah*, 1 (2), 230-241.
- Abdul Monir Yaacob. (2000). Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Perlaksanaan dan Penyeragaman. Dlm Abdul Monir Yaacob (Ed). *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara ASEAN*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Abou-Negm, Wafaa. (1978). *Female Emancipation and Changing Political Leadership: A Study Of Five Arab Countries*. Ph.D Thesis. New Brunswick: The State University of New Jersey.
- Ahmad Ibrahim. (1997). *Family Law in Malaysia*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Ahmad Ibrahim. (1999). *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)
- al-Kasani, Abu Bakar Mas'ud. (1910). *Badai Al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i*. Jil. 4. Mesir: Matba'ah al-Jamaliyah.
- al-Ramli, Ibn Shabab al-Din. (t.th). *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. Jil. 7. Mesir: Maktabah al-Babi al-Halabi.
- al-Sharbini, Muhammad al-Khatib. (1978). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'an Alfaz al-Minhaj*. Jil. 3. t.tp: Dar al-Fikr.
